

11 JUN 1999

MTUC-Manfaat

KERAJAAN DIMINTA KAJI SEMULA KEPUTUSAN "TOLAK" BAYARAN DOLE

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meminta kerajaan mengkaji semula keputusannya menolak cadangan kongres itu supaya penganggur dibayar dole atau elaun manfaat pengangguran.

Setiausaha Agung MTUC G. Rajasekaran berkata pengumuman penolakan cadangan itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu lepas adalah "agak mengejutkan".

"Semasa pertemuan kami, perdana menteri kelihatan bersimpati dan menyokong cadangan kami. Dua bulan lepas, dilaporkan bahawa kabinet telah menerima cadangan kami dan Jabatan Keselamatan Sosial diminta menjalankan kajian terperinci mengenainya. Oleh itu, apakah asas kepada penolakan tiba-tiba ini," soalnya dalam satu kenyataan di sini.

Dr Mahathir, Rabu lepas, berkata Malaysia percaya kepada "jaringan keselamatan sosial" tetapi bukan dalam bentuk membayar dole atau eluan manfaat pengangguran kepada penganggur.

"Kita tidak percaya kepada bayaran dole atau manfaat pengangguran kerana jika kita berbuat demikian, rakyat tidak mahu bekerja. Apabila rakyat tidak bekerja, ekonomi negara menjadi buruk dan pada masa itu, kita terpaksa bayar lebih banyak dole," katanya.

Rajasekaran berkata MTUC bersetuju bahawa pengwujudan pekerjaan harus menjadi satu keutamaan dan ia bukannya pengganti kepada skim jaringan keselamatan sosial.

Skim sedemikian harus menjamin pekerja menerima faedah pemberhentian kerja berkanun minimum, dijamin bayaran caruman Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) dan diberi bantuan jika mengalami keadaan pengangguran berterusan.

Beliau berkata pada masa ini, pekerja tidak menerima faedah pemberhentian kerja berkanun minimum apabila sesebuah syarikat muflis selain pekerja kerugian apabila majikan tidak mencarum kepada KWSP.

"Setakat ini, KWSP tidak menyatakan berapa banyak caruman pekerja tidak dituntut dan hilang," katanya.

Rajasekaran berkata kerajaan perlu menangani isu itu dengan menjamin caruman-caruman itu dan menubuhkan sebuah mekanisme bagi mengukuhkan keselamatan sosial.

Menurutnya setakat ini, di Asia hanya negara seperti Jepun dan Korea Selatan yang membayar dole manakala Taiwan baru-baru ini juga memperkenalkan bayaran pampasan pengangguran.

"Tiada siapapun yang mendakwa bahawa negara-negara ini ketinggalan dan perdana menteri kita sendiri sering menjadikan negara-negara ini sebagai contoh negara yang dinamik dan maju," katanya.

-- BERNAMA

AU NAK